
KURIKULUM INTERGASI – SATU PENYELESAIAN

¹T. Subahan Mohd Meerah

²Kamisah Osman

¹Majlis Profesor Negara, Malaysia

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi
Selangor, MALAYSIA.

Abstrak

Persoalan sering diutarakan mengenai bagaimana pembelajaran ditingkatkan. Kurikulum integrasi mula diperkenalkan untuk mengatasi kegagalan pelajar melihat kaitan antara satu mata pelajaran dengan lain yang diikuti dalam setiap tempoh waktu kelas di sekolah. Akibat daripada itu telah menyebabkan mereka tidak mempunyai kefahaman bermakna dan motivasi untuk belajar. Kertas kerja ini mencadangkan penggunaan kaedah menggabung subjek dan faedah yang akan diperolehi. Tuntutan baru yang harus dimainkan oleh institusi diperguruan digariskan untuk merealisasikan pelaksanaan kurikulum negara. Dalam seminar ini, peluang akan diambil untuk berkongsi sedikit pengalaman pembangunan unit kurikulum integrasi.

Kualiti Pendidikan

Kita sering memikirkan bagaimana untuk meningkat kualiti pendidikan, khususnya apabila kerap disekolah ditimbulkan mengenai kegagalan memenuhi harapan yang tinggi diletakkan terhadap pendidikan untuk menghasilkan produk, tingkah laku dan perubahan yang dirancang. Para pendidik juga berhadapan dengan perkara berhubung dengan bagaimana untuk membantu pembelajaran ditingkatkan.

Hasil daripada produk sekolah dan pasca sekolah menunjuk pelajar yang memasuki universiti tidak mempunyai persediaan yang mencukupi untuk meneruskan pengajian. Mereka masuk ke pusat pengajian tinggi dengan pengetahuan yang 'fragmented', tiada 'connections' di antara pengetahuan disiplin ilmu yang dipunyai. Mereka juga tidak nampak hubungan pembelajaran dalam bilik darjah atau kuliah dengan dunia luar. Ini berlaku oleh sebab dalam sekolah mereka terpaksa tempuh beberapa kurikulum yang 'fragmented' yang telah dibahagikan kepada beberapa disiplin, mata pelajaran atau kursus dalam julat masa empat puluh minit atau satu jam bagi setiap pelajaran. Pelajar tidak nampak kesepaduan antara satu pelajaran dengan yang lain, setiap guru mungkin tidak sempat menunjukkan kaitan atau hubungan antara disiplin ilmu yang dipelajari dengan kehidupan di luar bilik darjah atau dunia luar. Oleh sebab itu pelajar berhenti pengajian awal. Mereka tidak nampak kerelevanan pengetahuan yang diperolehi disekolah dengan pengalaman atau realiti di luar sekolah. Pelajar terpinggir diperingkat sekolah tidak tertarik dengan persekolahan. Puncanya adalah kurangnya kerelevanan pembelajaran yang diperolehi dengan kehidupan seharian mereka. Pelajar di pinggiran di Malaysia seperti anak orang

pedalaman termasuk orang Asli atau pribumi di Sabah dan Sarawak juga menghadapi kesukaran melihat hubungan antara apa yang dipelajari dengan pengalaman yang mereka perolehi. Maka timbulnya cadangan untuk melihat semula kesesuaian satu kurikulum yang serupa untuk semua rakyat Malaysia. Pelajar sekolah biasa mengikuti beberapa matapelajaran dalam seminggu malahan dalam sehari mereka terpaksa mengikut lima hingga lapan matapelajaran, isi kandungan ilmu yang telah dikotakkan.

Oleh sebab kurang usaha untuk mengait apa yang dipelajari dengan apa yang ada dalam minda pelajar atau apa yang baru dipelajari, terdapat lompang-lompang ilmu yang dipelajari serta kurang kaitan kegunaan ilmu yang disampaikan oleh seorang guru dengan yang lain. Malahan ada guru-guru tidak ambil tahu dan tidak mengetahui apa yang dipelajari oleh pelajar sebelum itu atau disampaikan oleh guru lain. Realitinya, pelajar melihat bahawa dalam realiti kehidupan bukan begitu.

Akibat daripada tidak wujudkan 'connection' antara mata pelajaran menyukar pelajar untuk melihat keberkaitan antara pengetahuan yang diterima dari setiap pelajaran. Ini menyukar pembelajaran serta ilmu yang dipelajari tidak kekal lama. Seperkara lagi, masih wujud kaedah pengajaran secara tradisi, yang juga menyebabkan pembelajaran yang tidak mendalam dan bermakna. Dari segi pengajaran berasingan terdapat ulangan bahan yang berulang kali diajar dari perspektif yang berbeza. Sebaliknya kajian menunjukkan pelajar tidak mudah mengaitkan isi pembelajaran secara tersendiri antara mata pelajaran atau disiplin. Guru tidak cukup masa untuk mengajar semua ilmu dari sesuatu mata pelajaran, pemilihan harus dibuat, penggabungan antara subjek mungkin dapat mengasing tindakan ilmu antara disiplin supaya masa jimat dan tidak mengelirukan pelajar serta peluang diberi untuk pelajar melihat 'connection' antara pengetahuan ilmu disiplin. Pendidik harus mengetahui bahawa pembelajaran berlaku apabila terdapat hubungan (kaitan) antara pengetahuan yang sedia ada dengan pengetahuan baru. Kegagalan pembelajaran berlaku apabila tidak dihubungkan dengan pengalaman harian pelajar. Pendekatan mengintegrasikan menjadikan bahawa pembelajaran bermakna akan berlaku disamping memotivasi pelajar serta meningkatkan sikap positif dan kehadiran pelajar ke sekolah.

KURIKULUM INTEGRASI

Beberapa negara telah melaksana kurikulum integrasi berasaskan masalah pembelajaran untuk tujuan meningkatkan prestasi pembelajaran. Tanda aras projek 2061 mengutarakan penggabungan pengetahuan antara disiplin dirancang mengikut tema yang merentasi beberapa disiplin sains, bersatu dengan badan lain Negara berkenaan menggalak pembelajaran integrasi.

Sokongan juga diberi oleh sebab masalah di dunia sebenar memerlukan pendekatan pelbagai disiplin bukan seperti dalam pendidikan sebenar mengikut disiplin. Oleh itu kurikulum berasaskan disiplin harus diganti dengan kurikulum integrasi.

Beberapa kurikulum integrasi telah dibangunkan atas tujuan mahu membantu pelajar buat kaitan antara disiplin serta memberi pendedahan melibat dalam situasi masalah autentik.

Pengenalan kurikulum integrasi juga ingin memikat motivasi pelajar apabila pelajar dapat peluang melibatkan diri menggunakan apa yang dipelajari untuk menyelesaikan masalah sebenar dan pelajar Nampak kerelavanan apa yang dipelajari di dalam bilik darjah dan sekolah; (Kain, 1993). Pendekatan dapat meningkat pelajar ke sekolah.

Hasil penyelidikan telah menunjukkan faedah mengguna kurikulum integrasi. Penyelidik mendapat sifat ingin tahu intelektual, sikap terhadap sekolah bertambah positif, kemahiran penyelesaian dan pencapaian meningkat.(Austin, Hirstein&Walen,1997)

Sekolah yang menggunakan kurikulum integrasi menunjuk kedatangan pelajar tinggi.Pelajar yang didedah dengan STEM, program integrasi sains, teknologi dan kejuruteraan dan matematik, menyatakan program itu menyeronokkan apabila mereka dapat menyiapkan projek mereka. (Lilia,Kamisah& Subahan, 2014 (tidak terbit)

PERANCANGAN KURIKULUM INTEGRASI

Pertama sekolah harus mengenalpasti gabungan subjek yang dipelajari, pemulihan tema, tajuk atau masalah merupakan langkah seterusnya yang dapat diikat dan melintasi hasil pembelajaran subjek-subjek berkenaan mengikut standard yang telah ditentukan.Sepakatan penting supaya kaitan diantara isi kandungan yang dipersetujui mengikut model integrasi yang dipilih.

ORGANISASI PELAKSANAAN

Organisasi seterusnya melibat kurikulum orientasi padagogi, kesedian pelajar dan guna serta kemudahan untuk kegiatan pembelajaran berpandu aktiviti pemusatan pelajar serta prinsip konstrukvis.

PERSEDIAAN GURU

Perbincangan diatas telah menegaskan bahawa amalan mengabung dua atau lebih matapelajaran berasingan telah menunjukkan bahawa terdapat peningkatan prestasi pembelajaran pelajaran yang mengikutinya. Sokongan dari hasil penyelidikan jelas seperti dinyatakan oleh Vars(1991,2001) bahawa lebih daripada 90 kajian yang membanding kurikulum integrasi dengan kurikulum tradisi telah merumus bahawa pelajar belajar lebih melalau pendekatan integrasi. Proses perlaksanaan kurikulum tidak dapat lari daripada kepentingan peranan guru (bobbitt,1915 dan Webster Ryan, 2014) yang ingin melaksanakan kurikulum integrasi harus mempunyai guru0guru yang dapat menghayati dan mempunyai kepercayaan terhadap kurikulum tersebut. Disini, wujudnya masalah sebab guru yang serba boleh untuk mengajar pelbagai subjek tidak pernah dilatih dan kebanyakan yang ada haya dilatih untuk pengkhususan dalam satu atau dua disiplin ilmu.Oleh itu guru perlu pindah system kepercayaan dan system didaktik ke asasnya mendokong konstrukvis.Pelajar tidak lagi dilatih ikut langkah demi langkah dan menghafal atau mengesah prinsip atau peraturan tetapi perlu bekerjasama

menemui pengetahuan, mengguna pengetahuan mereka untuk menyelesaikan masalah yang jitu.

Satu lagi, guru perlu ikut kursus pembangunan professional untuk perkembangan pengetahuan ilmu dalam matapelajaran lain dengan paedagogi berasa konstruktivisme. Mereka perlu menjadi ahli pembelajar, bekerjasama dengan rakan sebaya untuk berkongsi pendidikan dan percaya satu masalah menunjukkan terdapat pelbagai jawapan bersama pelajar dalam menyelesaikan masalah, descade(2014) mengariskan dua lagi keperluan guru yakni guru perlu menguruskan pengajaran berorientasi 'experiential' termasuk dalam penyimpanan alat-alatan serta dalam penggunaan strategi penaksiran autentik (authentic) serta penggunaan portfolios, penaksiran persembahan, untuk merakan kemajuan pelajar (seperti system berasaskan sekolah). Oleh yang demikian, langkah seterusnya adalah merancang semula bagaimana guru disediakan. Semua pihak harus dimaklumkan termasuk ibubapamengenai paradigm baru pendidikan yang sedang digunakan. Walaupun begitu keyakinan dan kepercayaan amat penting untuk merealisasikan hasrat kurikulum integrasi. Jika tidak, guru hanya memberi penekanan secara permukaan apabila mengajar untuk merujuk hubungan antara disiplin atau bidang ilmu. Cabaran tetap ada, tetapi peluang untuk meningkat pencapaian pembelajaran pelajar tetap berharga. Perlu juga diambilkira hujah yang tidak menyokong kurikulum integrasi sebab mereka masih berpegang pentingnya kekuatan dalam pengetahuan bidang pengkhususan disiplin ilmu. Brophy dan alleman (1991) juga menegur unit integrasi yang mereka mengkaji terdapat aktiviti yang direkabentuk lemah dan tidak kuat ikatan antara aktiviti (Glatthorn, A.A & jailall, J.M (2009).

Kurikulum integrasi- satu penyelesaian

Pelajar kini kurang bersemangat kesekolah dan motivasi belajar apabila terpaksa melalui satu matapelajaran ke lain tanpa melihat hubungan antara isi kandungan disiplin-disiplin tersebut. Ilmu yang diterima tidak berkait dan tidak mencerminkan situasi hidup sebenar. Kerelevanan tidak jelas kepada mereka apa saja yang dipelajari dalam sekolah dengan pengalaman kehidupan harian. Longgokan ilmu yang diterima membebankan dan bahan pembelajaran yang relevan dengan kehidupan nampak hilang. Umum wujud kepercayaan bahawa 'semua benda berkait' dan ilmu itu bersepadu. Oleh sebab itu dicadangkan matapelajaran harus digabungkan dan menghilangkan pendekatan memecah ilmu mengikut matapelajaran supaya pembelajaran bermakna boleh terjadi seta faktor ulangan diantara mata pelajaran dapat dikurangkan. Pendekatan integrasi dalam pengajaran menyokong bahawa apabila tema dan projek disalurkan pelajar dapat membuat hubungan yang bermakna dan pertalian yang relevan diantaranya disiplin. Pembelajaran disekolah yang mewakili realiti kehidupan dapat berlaku dan mempunyai erti kepada pelajar. Berasaskan andaian ini merupa dasar usaha-usaha mengintegrasikan kurikulum. Kurikulum integrasi nampaknya satu alat untuk memberi pertanggung-jawaban kepada pelajar, ibubapa dan guru. Sebagai mengulangi dua hujah untuk menyokong kurikulum integrasi adalah seperti berikut. Pertama beban maklumat yang perlu dihabiskan dalam struktur tradisi dalam tempoh tiga puluh minit atau empat puluh minit dalam satu waktu berat. Kedua, kebanyakan dari masa mengajar sesuatu subjek tidak menyentuh kaitannya dengan

subjek lain. Penyokongan kurikulum antara disiplin percaya bahawa pelajar akan belajar dengan lebih baik apabila mendapati terdapat hubungan idea dengan idea lain, mendukung kepercayaan 'semua benda ada kait-mengait' antara satu dengan yang lain.

Maksud kurikulum integrasi

Kurikulum integrasi mendukung pendekatan memusat pelajar, mengikut Pring(1973 p 135) integrasi bermaksud membuat 'connections' idea secara bersepadu diantara berbagai pengetahuan dan disiplin berkenaan. Terdapat dua makna yang timbul, pertama antara disiplin, setiap disiplin masih kekal identiti masing-masing walaupun disiplin itu digabung. Kedua, tidak berkisar mengikut matapelajaran tetapi melalui gabungan dalam tema, topik atau masalah supaya berbagai perspektif dapat dirujuk, dan bukan ada satu sahaja jawapan. Pelbagai model telah dikemukakan untuk integrasi, masih belum ada satu yang mantap untuk merekabentuk kurikulum. Berberapa buah Negara telah membangun kurikulum integrasi. Penggabungan 'interdisciplinary' menjadi satu ikutan, seperti STEM, STEAM mewakili sains, teknologi, matematik dan sastera yang digabungkan dan sebagainya. Model ini mengumpulkan satu set matapelajaran mengikut blok masa dengan membahagi pelajar kepada satu kumpulan guru, dan mengharap guru menyampaikan antara-disiplin atau kurikulum integrasi mengikut cara mereka tersendiri. Lihat rajah 1 mereka boleh membahagi kumpulan besar ke kumpulan kecil secara tradisi seperti biasa, atau kemudian mengajar kelas besar atau membawa semua pelajar ke kerja lapangan.


Sains	Subjek teras Bahasa Matematik Sains Pengajian sosial
Bahasa	
Pengajian sosial	
Matematik	
Bahasa kedua	Bahasa kedua
Pendidikan Jasmani	Pilihan Seni Pendidikan teknologi Ekonomi rumah tangga Muzik
Seni	
Ekonomi rumah tangga	
Pendidikan teknologi	
Muzik	Pendidikan Jasmani

Rajah 1: Interdisciplinary model (Pengisian dari pelbagai matapelajaran atau disiplin)

Rajah berikut mempamer bentuk rekabentuk kurikulum integrasi yang lain.

Model berbasis masalah

Model satu lagi dirujuk sebagai berbasis masalah. Satu masalah akan difikir bersama yang menjadi pusat Rujukan Pembangunan Kurikulum semua berkaitan disiplin menyelesaikan dalam aktiviti contoh bagaimana pembuangan sisa-sisa boleh dijadikan satu asset. Kumpulan bahagian sastera akan melihat isu bagaimana bahan sisa dikutip dan dikumpul atau buang, disiplin sains melihat bagaimana mengurus sisa dan kumpulan teknologi melihat bagaimana teknologi dapat mengasing bahan mentah ikut kategori sebelum transformasi kepada bahan berguna. Disiplin matematik pula melihat dari segi ukuran sisa-sisa, kawasan luas dan kos (Lihat rajah 2).



Rajah 2 Rekabentuk antara disiplin (fokus masalah)

Model tema

Dalam model ini guru daripada tiga atau empat disiplin mengabung idea untuk melahirkan berdasarkan tema merentas disiplin yang dapat menggunakan konsep dan kemahiran dalam aktiviti atau melalui strategi penyelesaian masalah, dengan bekerja secara kumpulan kecil menghasilkan standard nasional mata pelajaran masing-masing.


	Mathematic	Science	Technology	Language arts	Social studies
Objectives					

Ibnu hajar (2013) mengemukakan karakteristik (ciri-ciri) kurikulum tematik yang harus dimunculkan melalui pembelajaran ini seperti berikut:


- A. Berpusat pada peserta didik
- B. Memberikan pengalaman langsung
- C. Tidak terjadi pemisah materi pelajaran secara jelas
- D. Menyajikan konsep dari berbagai materi pelajaran
- E. Bersifat fleksibel
- F. Hasil pembelajaran sesuai dengan minat dan kebutuhan peserta didik
- G. Menggunakan prinsip belajar sambil bermain dan menyenangkan
- H. Mengembangkan komunikasi peserta didik
- I. Mengembangkan kemampuan metakognisi peserta didik
- J. Lebih menekan proses daripada hasil


Berikut ada tiga contoh antaranya:

Tema perpaduan



Tema komuniti





PERKEMBANGAN PENYELIDIKAN

Dalam seminar, peluang diambil untuk berkongsi sedikit pengalaman pembangunan unit kurikulum integrasi. Batasan guru untuk melaksana dan mereka bentuk kurikulum memang wujud di Malaysia walaupun beberapa usaha diberi kepada guru-guru dalam beberapa bengkel seperti oleh Petro-sama, (2006), UKM-STEM (2002), WWIF-cawangan Malaysia (2010) dan lain-lain. Penglibatan penulis berasaskan tema padi, kelapa sawit, kelapa, jerebu dan banjir sedang giat dilakukan.

Penyelidik percaya kurikulum integrasi boleh mengatasi kelemahan pengetahuan asas, kurang minat terhadap sains dan masalah masalah ponteng. Masalah berikut telah dilakukan.

Tema buah atau makanan tempatan telah dipilih sesudah meneliti objektif kurikulum subjek yang sedang diajar di sekolah. Sokongan juga diperolehi untuk tema fenomena banjir dan jerebu oleh sebab isu cuaca telah menjadi begitu penting untuk semua Negara. Sokongan terhadap tema juga oleh sebab mudah dikembangkan disiplin ilmu sains, matematik dan teknologi. Malaysia percaya, seperti Negara maju lain, untuk perkembangan ekonomi global pendidikan sains amat penting.

Langkah kedua pula telah didapati sokongan dan pendapat guru dan pakar kurikulum. Mereka telah member pandangan serta kurikulum integrasi yang mengorientasi tema tersebut. Ini turut dengan rujukan pakar ilmu. Langkah ketiga, beberapa bengkel telah dilakukan untuk melihat kandungan dan skop isi kandungan yang seimbang dengan perkembangan kanak-kanak di sekolah.

Setelah dibahas, satu kerangka topik dan tajuk sedang diteruskan. Bengkel seterusnya adalah pengumpulan kumpulan penulis dan bentuk modul dipilih. Sumbangan telah diadakan bermula dengan guru yang sedang mengikuti program keserjanaan. Beberapa 'cokort' pelajar telah terlibat dan masih diteruskan. Usaha diperkukuh dengan pendekatan membaiki kandungan dan aktiviti proses integrasi mengikut pendekatan penyelidikan tindakan. Seterusnya dalam siri seminar akan datang, dapat dikemukakan hasil berbentuk modul. (lihat lampiran).

Satu rekabentuk yang diamalkan di Malaysia pula adalah integrasi kurikulum berdasarkan konsep bersepadu. Beberapa disiplin tidak dijadikan sebagai satu mata pelajaran tetapi disampaikan melalui konsep merentasi kurikulum. Ilmu pengetahuan mengenai Pendidikan Nilai Murni, Pendidikan Alam Sekitar, Bahasa dan Pendidikan Kesihatan/Jantina di semua matapelajaran harus membuat 'connections' atau menyerap ilmu-ilmu tersebut. Untuk kejayaan satu kurikulum integrasi, satu perancangan yang rapi perlu diadakan.

Penyelidikan Penulis

Penulis sedang membangun satu unit integrasi kurikulum mengikut rekabentuk 'interdisciplinary'. Berikut adalah rangkaian usaha itu (yang akan dipersembahkan nanti).

Penutup

Kurikulum integrasi mempunyai 'future' yang baik. Mungkin usaha ini merupakan tatacara meningkatkan kualiti pendidikan hari ini untuk hari esok dan merangsang pembelajaran pelajar dalam abad dua puluh satu.

RUJUKAN

1. Glatthorn, A.A & Jaihall, J.M (2009)
The principal as curriculum leader California: corwin press
2. Webster, S, & Ryan, Ar Understanding(2014) curriculum
The Australian context. Cambridge university press
3. Vars, G.F (2001), can curriculum integration survive in an era of high states testing?
Middle school journal, 33(2), 7-17.
4. Vars, G.F (1991), integrated curriculum in historical perspective educational leadership, 49(2), 14-15.
5. Ibnu hajar (2013). Panduan lengkap kurikulum tematik. Jogjakarta diva press
6. Koch, J (2002) science stories, A science method book for elementary school teachers. U.S.a. Houghton Mifflin company
7. Loeppi F.L (2012), models of curriculum integration journal of technology

_____0000_____